

Spekulasi siapa MB Kedah terus hangat

UM - 6 DEC 1999

Oleh NIZAM HAMID

JITRA 5 Dis. — Spekulasi siapa yang bakal menjadi Menteri Besar Kedah terus hangat apabila Perdana Menteri masih enggan membayangkan calon yang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, semua Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dilihat layak mengisi kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kuah, Tan Sri Sanusi Junid.

"Dia mesti Ahli Dewan Undangan

Negeri. Itu sahaja. Kita tidak ambil orang lain. Saya tidak tahu hendak buat kriteria," katanya.

Ditanya adakah Perdana Menteri akan memilih calon yang mempunyai latar belakang agama, beliau berkata "Semua ahli UMNO mempunyai latar belakang agama. Saya tidak fikir ada ahli UMNO yang tidak mempunyai latar belakang agama."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan kesyukuran Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu di Institut Perguruan Darul Aman dekat sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas keengganan Sanusi untuk dilantik semula sebagai Menteri Besar Kedah sebagai tanda rasa tanggungjawab terhadap kemerosotan prestasi BN dalam pilihan raya umum lalu.

Sanusi mengumumkan pengundurannya semalam di kediamannya di sini selepas berbincang dengan Dr. Mahathir di Langkawi pada 2 Disember.

Berikutan dengan pengundurannya itu, kerusi 'panas' Menteri Besar negeri ini terus menjadi tanda tanya di kalangan pemimpin UMNO, rakyat dan pemerhati politik tanah air.

Mingguan Malaysia semalam melaporkan tiga nama disebut-sebut menggantikan Sanusi. Mereka ialah Exco kanan Datuk Syed Razak Syed Zain, muka baru Profesor Datuk Dr. Osman Ishak dan ahli agama, Fadzil Hanafi.

Menurut Dr. Mahathir, pelantikan Menteri Besar akan dibuat secepat mungkin iaitu sebelum upacara mengangkat sumpah diadakan di hadapan Sultan Kedah pada 11 Disember ini.

"Berilah saya masa, tapi secepat mungkin. Tidak tahulah bagaimana hendak cepat," jelasnya.

Mengulas permintaan kerajaan Pas Terengganu untuk menaikkan royalti hasil minyak sebanyak lima peratus, Perdana Menteri memberitahu: "Dia boleh minta. Itu hak dia hendak minta."

Beliau menjelaskan, permintaan kerajaan Terengganu yang kini diterajui oleh Pas akan mengambil masa untuk dikaji kerana kabinet masih belum dibentuk.

"Belum bentuk kabinet, saya tiada hak hendak bercakap. Barangkali kalau ada kawan-kawan saya ber-setuju, saya tidak tahu."

30